

DATE: 15/10/2010

# Bajet rakyat

BH-15/10/2010

Sebahagian besar intipati adalah cadangan dan pandangan orang ramai: PM

Oleh Kamarulzaidi Kamis  
dan Norfatimah Ahmad  
bhnews@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak menjelaskan Bajet 2011 yang akan dibentangkannya petang ini, mengambil kira pandangan rakyat kerana sebahagian besar intipatinya adalah cadangan dan pandangan orang ramai.

Sambil menyifatkannya sebagai 'bajet oleh rakyat', Perdana Menteri berkata, perkara berkaitan pekerjaan terutama pelaksanaan gaji minimum, cukai dan subsidi, kualiti dan kos pen-

didikan serta menaikkan taraf perkhidmatan internet dan jalur lebar adalah antara topik yang dibangkitkan.

"Ada juga permintaan untuk peningkatan insentif kepada mereka yang kurang bernasib baik, kawalan ke atas harga barangan pengguna, peningkatan pembangunan di kawasan pedalaman bagi menarik peluang komersial kepada golongan muda, insentif untuk pembangunan teknologi hijau, peningkatan peruntukan untuk keselamatan negara dan program mengatasi pendatang tanpa izin," katanya.

LIHAT MUKA 4

## Matlamat bajet transformasi Malaysia jadi negara maju

### DARI MUKA 1

Dalam laman blognya, semalam, Najib berkata, lebih 1,000 pandangan untuk Bajet 2011 diperoleh dalam tempoh kurang dua minggu menerusi laman blognya.

"Matlamat bajet ini adalah untuk menetapkan rentak mentransformasikan Malaysia supaya menjadi sebuah negara maju dengan ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020.

"Saya sendiri membaca semua pandangan ini dan mengemukakan sebahagian besar daripadanya kepada Kementerian Kewangan untuk penelitian lanjut dan ke-

mungkinan menggabungkannya dalam bajet atau program kerajaan yang lain.

"Malah, pejabat saya dan saya sendiri mengkaji pandangan ini dan merancang untuk meneliti dengan lebih mendalam cadangan yang berdaya maju untuk dilaksanakan, tanpa mengira sama ada dimasukkan ke dalam Belanjawan atau pun tidak," katanya.

Sementara itu, ahli ekonomi menjangka selain terus memberi tumpuan terhadap kesejahteraan rakyat, Bajet 2011 juga akan menggariskan strategi transformasi ekonomi negara dan memastikan

pertumbuhan terus kukuh pada kadar lebih enam peratus tahun depan bagi menghadapi risiko kelembapan ekonomi global.

Susulan itu, bajet berkenaan dijangka memberi tumpuan terhadap usaha meningkatkan permintaan domestik, yang antara lain membabitkan pelaksanaan projek berimpak tinggi yang memberi kesan gandaan kepada ekonomi.

Ahli ekonomi OCBC Bank, Gundy Cahyadi, berkata antara projek yang dijangka bakal disegerakan termasuk projek sistem transit pantas (MRT) di bawah Greater KL yang dianggar bernilai RM50

bilion dalam tempoh 10 tahun akan datang.

"Kami menjangka kerajaan akan memulakan projek itu dari 2011, walaupun belum dapat dipastikan jumlahnya akan dibentangkan dalam cadangan Bajet 2011," katanya.

Seorang ahli ekonomi yang enggan dikenali juga tidak menolak kemungkinan kerajaan akan memberi bonus sebulan gaji atau sekurang-kurangnya sagu hati RM1,000 kepada kakitangan awam.

Pengarah Eksekutif PWC Malaysia, Farah Rosley, pula menjangka kerajaan akan memansuhkan duti setem

atau potongan cukai bagi faedah pembelian rumah pertama bagi meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat dan pada masa sama merangsang sektor pembinaan.

Bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat, tumpuan juga akan diberi dalam sektor kesihatan, pengangkutan awam, pendidikan dan keselamatan.

Seorang penganalisis berkata, antara lain kerajaan dijangka mengumumkan penstrukturan semula perjanjian konsesi tol PLUS Expresway Bhd pada bajet kali ini yang mungkin menyaksikan kadar tol di be-

berapa laluan dikurangkan.

Kaunter pengendali konsesi lebuhraya itu digantung urus niaganya di Bursa Malaysia semalam dan hari ini

Turut dijangka diumumkan adalah liberalisasi seterusnya dalam beberapa subsektor perkhidmatan, antaranya borong dan runcit; telekomunikasi dan perkhidmatan kewangan.

Mengenai subsidi, mereka berpendapat kerajaan tidak akan mengumumkan sebarang pembatalan subsidi dalam Bajet 2011. Cukai rokok dan tembakau serta minuman keras pula dijangka dinaikkan.